

Kaji impak ekonomi, perundangan guna tenaga kerja pelarian elak ulang kegagalan program lalu

Oleh [Dr Mohd Safwan Ghazali](#) dan [Dr Mohd Shahril Nizam Md Radzi](#) - Mei 6, 2022 @ 11:00am
bhrencana@bh.com.my



- Foto hiasan/BERNAMA



Cadangan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) agar kebenaran khas diberikan bagi penggunaan tenaga kerja dalam kalangan pelarian bukanlah naratif baharu.

Hakikatnya, cadangan penggunaan komuniti pelarian sebagai sumber tenaga kerja baharu disebut-sebut dalam pasaran kerja negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Lebih tiga dekad sejak kehadiran mereka sekitar 1970-an, peningkatan aliran masuk sehala pelarian menempatkan Malaysia sebagai negara tuan rumah pelarian tertinggi di Asia Tenggara.

Dalam kejadian 20 April lalu, 528 tahanan pelarian Rohingya di depot Tahanan Imigresen Sementara Relau, Sungai Bakap, merusuh dan meloloskan diri, sekali gus memberi isyarat lambakan pelarian, termasuk pendatang asing tanpa izin (PATI) ibarat 'bom jangka' dalam aspek ancaman ekonomi, sosial dan keselamatan di negara ini.

ADVERTISEMENT

Berbalik isu pokok, iaitu pelarian sebagai alternatif masalah kekurangan pekerja dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar), ia sebenarnya merintis jalan kepada pelaksanaan program penempatan pekerjaan kepada etnik Rohingya dalam sektor perladangan dan pembuatan sekitar 2016.

Namun, program usaha sama kerajaan melalui Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) gagal mendapat sambutan dalam kalangan etnik itu.

Pelbagai kritikan dilontarkan terhadap kegagalan projek itu antaranya disebabkan limitasi sektor pekerjaan tidak sepadan dengan latar belakang pelarian, keengganan pelarian sendiri untuk tinggal di pedalaman dan tawaran gaji lebih rendah berbanding pekerjaan mereka sedia ada.

Bagaimanapun, susulan laporan majikan berdepan masalah kekurangan pekerja asing ketara akibat pembekuan khidmat pekerja asing baharu ketika tempoh pandemik pada 2020 dan 2021, mencetuskan kembali perdebatan dalam kalangan majikan agar kelompangan itu diisi pelarian dan PATI sedia ada.

Contohnya, industri perladangan sawit kerugian lebih RM30 bilion tahun lalu akibat kekurangan pemetik buah.

Berdasarkan lebih 180,000 pelarian berdaftar dengan UNHCR, manakala dianggarkan lebih 2.2 juta PATI, majoriti majikan menggesa kerajaan melihatnya sebagai penyelesaian jangka pendek sementara menunggu ketibaan pekerja asing.

Walaupun cadangan kebenaran khas akan memberi suntikan ekonomi melalui peningkatan output pengeluar, produktiviti dan pertambahan perbelanjaan serta permintaan dalam pasaran, sekurang-kurangnya dua faktor utama perlu diberi pertimbangan sewajarnya sebelum sebarang keputusan dibuat.

Pertama, sejauh mana kerajaan yakin pelarian atau PATI berminat mengisi kekosongan sedia ada, terutama dalam sektor perladangan atau 3D? Kegagalan projek rintis pelarian dalam sektor perladangan sebelum ini wajar diberi perhatian.

Tambahan pula, kebanyakan mereka dilaporkan menjadi sebagai pekerja tidak formal di bandar, tidak mempunyai daya tahan tinggi dan ada yang sudah menjalankan perniagaan dengan meraih pendapatan lumayan.

Kedua, sebagai kerajaan bertanggungjawab memelihara kedaulatan negara, bagaimanakah penerimaan rakyat terhadap polisi 'menghalalkan' pelarian dan PATI dalam pasaran buruh tempatan? Adakah inisiatif ini akan meningkatkan keyakinan terhadap kerajaan atau melebarkan lagi jurang defisit kepercayaan sedia ada?

Pada hakikatnya Malaysia bukan negara menganggotai dan meratifikasi Konvensyen Status Pelarian 1951 dan Protokol Berkaitan Status Pelarian 1967. Dengan itu Malaysia tidak terikat untuk mengiktiraf kemasukan pelarian ke mana-mana wilayahnya bagi menjaga dan memelihara kedaulatannya.

Pendirian Malaysia sehingga kini amat jelas berkaitan pelarian. Malaysia melayani pelarian dari negara asing memasuki wilayahnya sebagai PATI. Layanan ini sama seperti pendatang asing lain memasuki negara ini tanpa dokumen sah.

Malah, Malaysia tidak mengiktiraf kad pelarian UNHCR. PATI ini akan didakwa di mahkamah Malaysia di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Oleh itu, cadangan penggunaan pelarian sebagai memenuhi permintaan tenaga kerja negara akan memberi kesan kepada perundangan. Persoalan dan isu perundangan mungkin akan tercetus sekiranya cadangan ini dilaksanakan.

Pada masa sama, adakah cadangan mengambil pelarian sebagai pekerja akan memberi isyarat kepada masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia mengiktiraf secara tersirat serta bersedia memberi komitmen kepada hak pelarian seperti dinyatakan dalam Konvensyen Status Pelarian 1951 dan Protokol Berkaitan Status Pelarian 1967?

Malah, peluang pekerjaan ini juga dibimbangi membuka ruang pelanggaran undang-undang tempatan sedang dikuatkuasakan. Contohnya, Akta Imigresen 1959/63 melalui seksyen 6 (1) (c) menyatakan dengan jelas, kesalahan memasuki dan tinggal di negara ini tanpa permit sah boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun dan sebatan tidak lebih enam sebatan.



Namun, penguatkuasaan dan pendakwaan tidak dapat dilaksanakan secara efisien kerana pelarian akan menggunakan alasan menunggu penempatan pekerjaan bersesuaian untuk kekal dalam negara. Malah, ia akan melambatkan proses penghantaran pelarian berkenaan ke negara ketiga.

Selain itu, Akta Imigresen 1959/63 mensyaratkan tempoh pas kerja boleh dikeluarkan Jabatan Imigresen selama dua tahun, namun boleh dilanjutkan sehingga lima tahun atas permintaan majikan.

Masalah bertambah rumit apabila tamat tempoh pas kerja dibenarkan. Pelarian terbabit akan kekal di negara ini sebagai PATI kerana semestinya 'imuniti khas' itu akan mendorong mereka tidak pulang ke negara asal yang mampu mengancam keselamatan nyawa mereka.

Berbeza dengan PATI, pelarian datang bukan sendirian, sebaliknya turut membawa ahli keluarga. Ini membuka lebih banyak peluang perniagaan pemerdagangan manusia yang mana ejen menjalankan aktiviti haram akan mengambil kesempatan.

Justeru, kerajaan disaran melakukan kajian impak implikasi ekonomi dan perundangan secara tuntas sebelum kebenaran khas diberikan bagi penggunaan tenaga kerja dalam kalangan pelarian serta PATI.

Contohnya, dengan menceraap semua pelarian sesuai bekerja dalam sektor 3D adalah tidak tepat kerana ada sebahagiannya mempunyai latar belakang pendidikan baik dan sudah bekerja sebagai pekerja mahir atau separa mahir sebelum memasuki pasaran buruh Malaysia.

Kajian impak dari prospek ekonomi dan perundangan penting bagi memberi gambaran secara holistik mengenai keperluan guna tenaga, kedaulatan serta kesan jangka panjang sebelum kebenaran ini menjadi realiti dalam pasaran buruh tempatan.

Penulis, Mohd Safwan adalah Pengarah Pusat Pembangunan dan Pendidikan Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), manakala Mohd Shahril Nizam adalah Pensyarah Pusat Kajian Undang-Undang Malaysia dan Perbandingan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)